

## Keperluan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang perlu dipatuhi oleh penggerak projek yang ingin memulakan cadangan pembinaan loji janakuasa di Malaysia

- Aktiviti pembinaan loji janakuasa tertakluk di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 :

- **Jadual Pertama, Aktiviti 11**

*Penjanaan dan pemancaran kuasa*

- a) Pembinaan stesen janakuasa stim yang menggunakan bahan api fosil (selain arang batu) dan mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih, dengan atau tanpa talian pemancar.
- b) Pembinaan stesen janakuasa kitar padu lebih, dengan atau tanpa talian pemancar.

- **Jadual Kedua, Aktiviti 11**

*Penjanaan dan pemancaran kuasa*

- a) Pembinaan stesen janakuasa stim yang menggunakan bahan api arang batu dan mempunyai keupayaan 10 megawatt atau lebih, dengan atau tanpa talian pemancar.
- b) Pembinaan stesen janakuasa yang menggunakan bahan api nuklear dengan atau tanpa talian pemancar.

## Keperluan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang perlu dipatuhi oleh penggerak projek yang ingin memulakan cadangan pembinaan loji janakuasa di Malaysia

- Menjalankan penilaian kesesuaian tapak menggunakan *Environmental Essential For Siting Of Industries In Malaysia* (ESSIM) terbitan Jabatan Alam Sekitar.
- Menyediakan Bidang Rujukan Terma, TOR dan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling, EIA dan mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar bagi cadangan projek berdasarkan *Environmental Impact Assessment Guideline In Malaysia*, EGIM
- Menyediakan Environmental Management Plan, EMP dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri setelah Laporan EIA diluluskan.

*Nota : Penyediaan TOR, EIA dan EMP perlu disediakan oleh Orang Yang Layak ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar*

Keperluan perundangan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang perlu dipatuhi oleh penggerak projek yang ingin memulakan cadangan pembinaan loji janakuasa di Malaysia

- Mengemukakan Notifikasi bagi sistem kawalan pencemaran udara yang dicadangkan
- Mengemukakan Notifikasi bagi sistem kawalan pencemaran air yang dicadangkan.